

INFO@HEPA

KEJOHANAN RAGBI 7' s 2008 - UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Pada 04 hingga 06 Februari yang lalu, pasukan ragbi Pelajar UniMAP telah menyertai Kejohanan 7's MASUM di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Pasukan UniMAP berada di dalam Kumpulan B bersama Universiti Malaya (UM), Universiti Multimedia (MMU) dan Politeknik Shah Alam (PSA). Berikut adalah perlawanan kumpulan pertama yang melayakan UniMAP ke peringkat Winners Pole iaitu Cup, Plate ,Bowl dan Shield.

UniMAP vs UM	- KALAH	0 - 14
UniMAP vs MMU	- MENANG	52 - 0
UniMAP vs PSA	- MENANG	17 - 7

Bagi perlawanan peringkat seterusnya UniMAP bertemu Pra-Universiti Sekolah Sukan Bandar Penawar dengan kekalahan 31-0 . Oleh yang demikian UniMAP meneruskan perjuangan lagi diperingkat Bowl dan Shield pada hari yang sama bagi penentuan untuk memasuki ke peringkat separuh akhir yang bertemu pasukan tuan rumah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dimana UniMAP berjaya menewaskan dengan keputusan 17 – 14.

UniMAP vs UMT - MENANG 17 - 14

Dengan kemenangan separuh akhir Bowl & shield UniMAP seterusnya ke peringkat separuh akhir Bowl yang bertemu pasukan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) yang ditewaskan dengan keputusan 21-7. Dengan kekalahan yang dimiliki pasukan UniMAP tidak juga melepaskan peluang untuk mendapatkan pingat bagi tempat ketiga & keempat yang akan berlawan UiTM Terengganu Semangat yang tidak putus UniMAP dengan bangganya berjaya menewaskan UiTM Terengganu 17-12 dan berjaya memiliki pingat gangsa (tempat ke-3) .

Oleh yang demikian secara keseluruhan daripada 32 pasukan yang menyertai dalam berbagai peringkat, UniMAP menduduki tempat yang ke 11 dari seluruh negeri yang bertanding.

"Syabas Pada Pasukan Ragbi UniMAP"

